

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
KAWASAN : PAYA BESAR
TARIKH : 1 DISEMBER 2015, SELASA

SOALAN:

YB. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL (PAYA BESAR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kesan hasil pelaksanaan PLUS Malaysia Bhd. bagi sistem kutipan tol secara elektronik (ETC) sepenuhnya dan perancangan strategik dalam jangka panjang bagi membolehkan PLUS terus memberi perkhidmatan terbaik dalam penyediaan prasarana lebuh raya yang kondusif di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan bahawa sistem kutipan tol secara elektronik (ETC) akan dilaksanakan sepenuhnya di semua plaza tol di negara ini mulai tahun 2018. Objektif sistem ETC ini ialah untuk mengurangkan masalah kesesakan di plaza-plaza tol sekali gus dapat menjimatkan masa berbanding kutipan secara tunai.

Pada masa kini sebanyak 14 daripada 92 plaza tol di lebuh raya yang dikendalikan PLUS Malaysia Bhd (PLUS) telah melaksanakan sistem ETC. Berbanding kaedah kutipan secara tunai, sistem ETC telah dapat melancarkan 30% hingga 50% kesesakan trafik di laluan terlibat dan memberi penjimatan masa kepada pengguna. Aliran trafik di plaza-plaza tol juga menjadi lebih lancar berikutan tempoh transaksi menjadi lebih singkat, iaitu kira-kira 6 saat bagi Touch n Go serta 3 saat bagi SmartTAG berbanding kira-kira 15 saat untuk transaksi secara tunai. Berdasarkan perancangan pihak PLUS, sistem ETC ini akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga pada masa kini sedang mengkaji penggunaan teknologi Pengenalan Frekuensi Radio (RFID) sebagai alternatif kepada sistem pembayaran elektronik SmartTAG. Sistem tol ETC secara RFID ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2016, iaitu salah satu inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan kepada orang ramai.

Sekian. Terima kasih.